

03 APR 1999

Nazri-Kelantan

BANTUAN PUSAT TOLONG RAKYAT KELANTAN

PASIR PUTEH, 3 April (Bernama) -- Kesediaan kerajaan pusat memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah sebanyak RM600 juta kepada Kelantan membuktikan sikap pemimpin Barisan Nasional yang sedia membantu rakyat tanpa mengira fahaman politik.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Nazri Aziz berkata bantuan itu diberikan bagi memastikan rakyat Kelantan tidak terus menanggung kesulitan sejak Kelantan diperintah oleh Pas.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan program patriotik belia anjuran Pertubuhan Belia 4B jajahan ini di sini hari ini, beliau berkata bantuan kewangan itu juga tidak akan melemahkan usaha Umno bagi merampas kembali tampuk kepimpinan kerajaan negeri daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam yang berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan bantuan itu bagi mengatasi masalah air yang berlanjutan sejak 1995.

Nazri berkata krisis air itu menunjukkan PAS yang menguasai Kelantan sejak pilihan raya 1990 gagal mentadbir negeri itu dengan baik.

Terdahulu ketika berucap, Nazri meminta rakyat Kelantan menyokong BN pada pilihan raya akan datang sebagai menghargai usaha kerajaan pusat yang tetap membantu rakyat negeri itu walaupun Kelantan dikuasai parti pembangkang.

Menurutnya walaupun ada rakyat negeri lain yang menganggap rakyat Kelantan tidak patut ditolong kerana "gagal mengenang budi" tetapi kerajaan pusat tetap mengamalkan sikap terbuka.

"Ini semua berpunca daripada rakyat Kelantan yang terpengaruh dengan pemimpin PAS Kelantan yang menggalakkan rakyat menerima sebarang bantuan daripada kerajaan pusat tetapi apabila tiba pilihan raya mereka diminta mengundi PAS," katanya

Katanya beliau yakin rakyat Kelantan kali ini akan menyokong BN bagi membolehkan projek pembangunan dilaksanakan di negeri itu.

-- BERNAMA

WM MAI